

13/05/2004

Semangat waja ibu didik anak istimewa

By Halina Mohd Noor

"BIARPUN cacat penglihatan, ibu tetap mendidik saya seperti anak normal lain. Dia suruh saya tengok tv (televisyen) bukan dengar tv. Dia juga galakkan saya bermain bola dan bermain papan luncur! Dia mengasuh saya tanpa beza dengan adik-beradik lain. Semua ini memberikan saya peluang hidup normal seperti orang lain," ujar Nabil Mahathir, 17, anak kepada Abiaz Ibrahim, 51.

Kegigihan Abiaz mendidik anaknya Nabil yang cacat penglihatan sehingga mampu bergelar tahfiz dan menterjemahkan semula al-Quran kepada tulisan Braille dengan lebih sempurna untuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), menjadikan beliau terpilih untuk menerima Anugerah Ibu Anak Istimewa pada majlis Sambutan Hari Ibu Peringkat Kebangsaan di Dewan Orang Ramai Rantau, Negeri Sembilan.

Majlis bertemakan "Ibu Seindah Nur Kasihmu" itu dirasmikan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Mohamad Hasan dan dihadiri oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Nabil yang memiliki Diploma Tahfiz al-Quran dan Bahasa Arab dari Universiti Khartoum, Sudan dan Diploma Syariah dari Kolej Darul Ulum Pokok Sena, Kedah, mengakui ibunya tegas dalam hal pelajaran. Kini Nabil sedang bekerja secara sambilan di Mimos sebagai juruteknik komputer.

"Sejak kecil, ibu sentiasa beri dorongan dan motivasi kepada saya untuk menjalani hidup normal sehingga mencapai kejayaan pada hari ini. Kenangan yang tidak boleh saya lupa ialah ketika saya hampir putus asa untuk meneruskan pengajian di Sudan. Ketika sampai di Universiti Khartoum, saya baru berusia 11 tahun sedangkan orang lain semuanya lebih dewasa daripada saya. Mereka menyuruh saya balik hanya kerana saya tidak dapat melihat dan usia yang masih muda. Saya menelefon ibu dan menangis kerana kalau boleh hendak balik ke tanah air. Bagaimanapun, ibu memberikan nasihat dan membakar semula semangat saya untuk meneruskan pengajian hingga tamat," katanya.

Abiaz yang mendengar keluhan anaknya di perantauan tetap memberikan sokongan kepada anaknya. Berjam lamanya beliau memujuk Nabil melalui telefon agar tidak mudah menyerah kalah sehingga bil telefon mencecah hingga RM1,900.

"Saya cukup bangga dengan nasihat yang ibu berikan. Berkat dorongan dan doanya, saya akhirnya berjaya pulang dengan diploma ketika usia 13 tahun. Antara rakan dari Malaysia yang belajar di universiti berkenaan, hanya dua orang yang lulus, iaitu saya dan seorang lagi rakan. Saya berharap ramai lagi ibu yang mempunyai anak seperti saya agar tidak menyisihkan anak mereka kerana ia akan merugikan," katanya.

Bagi Abiaz beliau tetap menerima takdir yang ditentukan oleh Allah apabila Nabil dikatakan akan menjadi buta akibat terjatuh daripada buaian. Ketika kejadian Nabil baru berusia enam bulan yang mengakibatkan urat matanya terputus. Walaupun pembedahan dilakukan, penglihatan Nabil lama-kelamaan semakin sempit dan akhirnya pada usia setahun, Nabil hilang penglihatannya secara keseluruhan.

"Ketika menerima berita itu, saya hanya berdoa agar diberikan kesabaran untuk mendidik Nabil dan agar anak ini diberikan kejayaan cemerlang dalam hidupnya. Menyedari anak saya tidak dapat melihat lagi, saya berusaha belajar membaca tulisan Braille selama enam bulan agar mudah untuk mengajar atau membantu Nabil pada masa depan," katanya.

Tidak mahu anaknya merasa tersisih, Abiaz mendidik Nabil seperti anaknya

yang lain. Di rumah, Abiaz asuh Nabil mengenal alam di sekelilingnya kerana dia tidak mahu Nabil tertipu oleh orang lain kelak.

"Ketika memasak misalnya, saya akan beri Nabil rasa bahan masakan. Saya mahu dia kenal apa yang dikatakan mi dan bihun, antara cili dan bawang. Jadi esok, orang tidak mudah tipu dia. Bagi saya, Nabil mesti buat apa yang orang lain boleh buat agar dia boleh menikmati hidup seperti orang lain. Dalam hal pelajaran, saya memang tegas tetapi saya tidak pernah paksa Nabil jadi tahfiz. Apa yang dilakukan hari ini adalah kerana minatnya sendiri," katanya.

Penerima lain bagi kategori Anugerah Ibu Anak Istimewa ialah Lee Yau Yook dari Durian Tunggal, Melaka yang mempunyai dua anak cacat anggota dan M Nagammal dari Banting, Selangor. Penerima Anugerah Ibu Istimewa Peringkat Kebangsaan pula ialah Rohani Noh dari Kuantan, Pahang yang cacat penglihatan, Batricia Richael anak Sentau dari Kota Samarahan, Sarawak dan K Maliah dari Kuala Lumpur.

Rohani, 52, yang cacat penglihatan berjaya membesarkan 10 anak. Tiga daripada mereka berjaya menjejakkan kaki ke institusi pengajian tinggi dalam bidang kedoktoran, kimia dan perguruan. Walaupun tidak dapat melihat, Rohani sentiasa mengambil berat pelajaran anaknya dan menasihati mereka mengenai kepentingan ilmu.

"Walaupun tidak nampak, saya boleh rasa apa yang dilakukan anak. Walaupun ada kalanya mereka cuba untuk berdalih, naluri ibu tidak boleh ditipu. Saya tahu setiap pergerakan mereka. Jika ambil kad kemajuan di sekolah, saya dan suami minta abang atau adik dia bacakan setiap apa yang dilaporkan. Mereka juga dihantar mengikuti kelas tambahan yang diadakan secara percuma di sekolah. Selain itu, anak mesti ikut jadual yang ditetapkan. Jika tidak, mereka akan dirotan. Apabila sudah kena sekali, mereka serik," katanya.

Kurang upaya bukan alasan untuk ibu bapa mengabaikan anak. Rohani menasihati ibu sentiasa memberikan perhatian yang lebih kepada anak, terutama pada zaman serba mencabar ini.

"Sebagai ibu kurang upaya saya tidak mengalami sebarang kesukaran untuk membesarkan 10 anak kerana sejak remaja, saya sudah biasa menjaga anak jiran yang bekerja. Bayarannya murah, iaitu 10 sen untuk lima budak. Apa yang penting ialah sabar dan berdoa dalam menjalankan tugas sebagai ibu," katanya.

(END)